

R. ACM - 3641

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

INVC 31/1/2001

**AYAT-AYAT MUTASHĀBIHĀT DALAM AKIDAH:  
SATU KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA  
SALAF DAN KHALAF**

**SITI SA'ADIAH BINTI SHAFIK**

**BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
1999**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510033457

Dimikrofikas pada 11.09.2002  
No. Mikrofis..... 16308

Jumlah Mikrofis..... 1

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHAR  
UPR UNIT REPROGRAFI  
PERPUSTAKAAN UTAMA  
UNIVERSITI MALAYA

*AYAT-AYAT MUTASHĀBIHĀT DALAM AKIDAH:*  
SATU KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA  
SALAF DAN KHALAF


OLEH  
SITI SA'ADIAH BINTI SHAFIK

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
KEPERLUAN SARJANA USULUDDIN  
DI AKADEMI PENGAJIAN ISLAM

BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
1999

## PENGAKUAN

Saya akui disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

A handwritten signature consisting of a stylized 'A' at the top, followed by a horizontal line with a wavy flourish in the center, and a small loop at the bottom right.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Pemurah dan Maha Mengasihani.

Syukur dan pujiyah kepada Allah yang telah mengurniakan saya kekuatan dan keazaman untuk menyelesaikan disertasi ini yang berjudul "Ayat-ayat *Mutashābihāt* dalam Akidah: Suatu kajian perbandingan antara Ulama Salaf dan Khalaf". Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih saya kepada Penyelia saya Yang Berbahagia Prof.Madya Dr. Abdul Hayei bin Abdul Sukor yang telah banyak membantu dan menunjukajar saya dalam menyediakan disertasi ini. Beliau adalah seorang yang tegas dalam kerjanya dan bersungguh-sungguh dalam pengajarannya dan tidak bakhil dalam ilmunya. Saya amat terhutang budi kepada beliau yang telah mencerahkan ilmunya yang berharga itu walaupun ditukarganti dengan kekayaan dunia seluruhnya namun ilmunya lebih berharga dari semua itu. Semoga Allah Taala melindunginya dan memberkati segala usaha-usahanya yang murni demi meneruskan amalan suci dan kebaikan demi agama, bangsa dan negara.

Dalam menjayakan disertasi ini, saya tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada orang perseorangan yang telah membantu saya untuk mencari bahan-bahan

rujukan dan terlibat dalam menyempurnakan disertasi ini. Semoga Allah memberkati usaha dan jasa baik mereka, Insya Allah.

Saya memohon kepada Ilahi Tuhan semesta alam agar memberi taufik dan hidayah kepada kami sekelian. Semoga niat kami yang murni ini dapat dimakbulkan terutama untuk meneruskan usaha menyebarkan kebenaran dan menghapuskan kebatilan dan menetapkan hati kami dalam menempuh segala dugaan dan cabaranmu.

**SITI SA'ADIAH BINTI SHAFIK**

## JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab				Vokal Pendek
ء	,	ص	q	
ب	b	ط	t	
ت	t	ظ	z	
ث	th	ع	c	
ج	j	غ	gh	
ح	h	ف	f	Vokal Panjang
خ	kh	ق	q	
د	d	ك	k	ي      ā
ذ	dh	ل	l	ي      ī
ر	r	م	m	و      ū
ز	z	ن	n	
س	s	ه	h	
ش	sh	و	w	ؤ = Diftong
ص	ṣ	ي	i	
				ء _____ aw
				ي _____ ay

ء = iyy ( bentuk penghujung i )

ء = uww ( bentuk penghujung u )

## KEPENDEKAN

m.s	muka surat
t.tkh.	tanpa tarikh
t.p	tanpa penerbit
cet.	Cetakan
ed	edisi
ibid	di tempat yang sama
jil.	jilid
dll.	dan lain-lain
Dr.	Doktor
hll.	halaman
vol.	volum
juz.	juzuk
et.al.	penulis lebih daripada tiga
M	masehi
H	hijrah
op.cit	dalam karya tersebut
s.n	penerbit tidak disebut
bil.	Bilangan
w.	wafat

## SINOPSIS

Kandungan kajian ini dibahagikan kepada empat bab. Bab satu membincangkan konsep tauhid dan pengertian dari sudut bahasa dan istilah. Hasil dari itu disimpulkan tauhid kepada bahagian-bahagiannya iaitu tauhid *al-ulūhiyyah*, tauhid *al-rubūbiyyah* dan tauhid *al-asmā'* dan *al-sifāt*. Setiap bahagian tauhid itu menjelaskan fungsi dan peranan setiap bahagian itu. Oleh kerana konsep tauhid berkaitan dengan ketuhanan dan ketuhanan tidak boleh dipisahkan daripada iman. Maka perlu dikaitkan dalam kajian ini prinsip ulama kalam yang terkenal iaitu Ahl al Sunnah Wa al Jamā'ah dan Muktazilah, mereka banyak membahaskan terutama konsep tauhid, di samping itu kajian ini mencatatkan karya-karya tafsiran al-Quran yang ditulis oleh mereka yang masih tersimpan dan terpelihara di khutub khana.

Perkataan tauhid banyak dikaitkan dalam al-Quran. Ayat-ayat al-Quran menyebut tentang tauhid yang ada hubungan dengan keasaan Allah dan sifatnya.

Islam merupakan akidah yang sempurna lagi benar, kerana ia penutup bagi semua *al-Din al-Samāwi* dan pelengkap syariat-syariat sebelumnya. Kepentingan akidah dalam Islam amat dituntut, menerusinya dapat diteruskan keharmonian hidup sebagaimana yang dituntut oleh Islam.

Akidah Islam melambangkan perpaduan sesama insan, kerana al-Quran sentiasa menyebut keuntungan dan kebaikan persaudaraan dalam Islam.

Bahagian kedua membincangkan tentang pengertian *mutashābihāt* dari sudut bahasa yang banyak digunakan dengan maksud yang sama walaupun kata dasarnya berbeza-beza, kesemua pengertian itu dikaitkan dengan al-Quran.

Pengertian dari sudut istilah pula terdapat berbagai-bagai pendapat, namun antara mereka tidak jauh berbeza dari segi maksud *mutashābihāt*, iaitu ayat-ayat *mutashābihāt* tidak boleh diolah dengan makna zahirnya dan Allah s.w.t sahaja yang mengerti maksudnya.

Asas perbincangan kajian ini difokaskan kepada *mutashābihāt* dalam akidah. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa al-Quran al-Karim sebuah kitab yang mengandungi uslub yang menarik hati pendengarnya apabila dibaca. Apabila menyebut tentang akidah maka tergambar dibenak fikiran kita kepada Allah Taala sebagai khaliq di muka bumi ini. Oleh itu al-Quran diturunkan untuk menegakkan kebenaran dalam akidah serta mentauhidkan Allah, sehubungan itu terdapat nas-nas al-Quran yang menggunakan makna zahir dan ada pula yang disandarkan kepada sesuatu, semuanya itu ada kaitan dengan maksud ayat-ayat *mutashābihāt* dan ayat-ayat *muhkamāt*.

Kajian ini amat tertarik dengan keistimewaan ayat-ayat *mutashābihāt* yang merupakan ayat-ayat sifat Allah yang indah, dalam al-Quran banyak menyebut ayat-ayat itu yang menunjukkan kekuasaan Allah s.w.t dan kebesarannya. Namun apa yang kita lihat umat Islam selepas zaman sahabat dan tābi'īn cuba meneroka maksud ayat-ayat sifat dengan bertujuan memberi makna yang sesuai, walaupun mereka sedar kekurangan ilmu pada diri mereka, oleh itu mereka mencari jalan singkat dengan metakwilkannya. Kajian ini mengemukakan terjemahan ayat-ayat *mutashābihāt* secara umum.

Dalam bahagian ketiga penulis memberi definisi Salaf dan Khalaf dari sudut bahasa dan istilah. Ulama Salaf adalah terdiri dari para sahabat Rasulullah s.a.w yang sezaman dengannya, nama Salaf juga termasuk tābi'īn yang telah mewarisi ilmu mereka. Ulama Khalaf adalah gelaran yang diberikan kepada generasi selepas Salaf.

Sejarah kemasyhuran Salaf bermula ketika mereka bersaing dan berdebat dengan aliran-aliran ilmu kalam dalam soal usuluddin. Selepas itu ramai di kalangan umat Islam yang mengaku diri mereka dari golongan Salaf.

Kajian ini membincangkan tafsiran ayat-ayat *mutashābihāt* menurut perspektif ulama Salaf dan Khalaf. Ulama Salaf lebih berminat dengan beriman

dengan ayat-ayat yang dithibatkan kepada sifat-sifat Allah Taala semata-mata, mereka tidak mahu melihat kepada pendekatan lain seperti perbincangan akal dan sebagainya. Mereka lebih mengutamakan naqli dari akli, ini kerana mereka berpegang teguh dengan ajaran Rasul-rasul yang diutuskan oleh Allah di muka bumi ini bersama mereka kitab-kitabnya untuk menyampaikan suruhan Allah dengan jelas. Dengan dasar ini mereka lebih dipercayai dan dihormati.

Setelah menerangkan ciri-ciri Salaf dan Khalaf, kajian ini membincangkan tentang ayat-ayat sifat yang ada hubungkait dengan tajuk asal. Di sini penulis menerangkan pengertian sifat dari sudut bahasa dan istilah. Semua perbincangan dalam sifat terdapat huraianya dalam ilmu kalam.

Bab keempat merupakan bab yang penting dalam kajian penulis. Penulis membuat penilaian terhadap ayat-ayat *mutashābihāt*. Penilaian ini dibuat berdasarkan penilaian dan pengamatan melalui rujukan dengan memetik beberapa perkara yang dirasakan penting untuk dibincangkan.

Perbincangan dalam bab ini penulis bahagikan kepada tiga bahagian iaitu sejarah kelahiran *fīraq* dalam Islam seperti ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah, Syi'ah, Khawarij , Muktazilah , Murji'ah, Qadariyah , Jabariyah dan Mushabbihah. *Fīraq*

*Islāmīyyah* tersebut merupakan aliran-aliran yang memainkan peranan penting dalam memahami ayat-ayat *mutashābihāt*. Mereka mengeksplorasi ayat-ayat itu demi kepentingan mereka.

Selain itu kajian ini menjelaskan beberapa golongan dari aliran tersebut untuk pengetahuan sahaja. Begitu juga dibincangkan prinsip-prinsip Khawarij dan Muktazilah yang masyhur dalam persada dunia ilmu kalam.

Jika ditinjau kembali, tercetusnya ilmu kalam ketika itu adalah kerana ilmu falsafah atau ilmu akal sangat berleluasa ketika itu, terutama di zaman pemerintahan Ḥabbāshīyyah, segala bentuk ilmu dari barat diceduk dan diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, dengan itu memberi kemudahan kepada umat Islam mempelajari ilmu itu. Secara tidak langsung melibatkan ayat-ayat *Mutashābihāt* yang sebelumnya tidak pernah disalahafsirkan dengan makna yang zahir.

Maka tidak syak lagi, ayat-ayat *mutashābihāt* punca kelahiran aliran-aliran ilmu kalam pada ketika itu. Kecuali mereka yang masih patuh kepada ajaran rasul-rasulnya akan sentiasa berhati-hati untuk mengeksplorasikan ayat-ayat tersebut sepetimana yang diamalkan oleh *Salafuṣṣālih*.

Akhir kajian ini, penulis mengemukakan penutup dan cadangan. Secara keseluruhannya ia merumuskan kesemua kajian dari bab pertama hingga bab keempat. Natijahnya dapat dilihat bagaimana ulama-ulama Islam mengkaji dan mentafsirkan ayat-ayat al-Quran terutama yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah. Cara atau manhajnya yang mereka gunakan mengikut fahaman masing-masing tidak sebagaimana yang dilakukan oleh ulama-ulama Salaf dari Ahl al-Sunnah Wa al-Jama<sup>C</sup>ah yang masih mempertahankan manhaj yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w iaitu al-Quran. Walaupun akal tidak diketepikan namun naqal juga hendaklah diutamakan dari yang lain. Maka tanggungjawab ulama-ulama, tok guru-tok guru, ustaz-ustaz menjelaskan hakikat Islam iaitu pengajian akidah yang benar dan utuh supaya tidak mudah generasi-generasi akan datang tergugat akidahnya dengan fahaman-fahaman yang sesat dan batil. Penyelesaian ini akan berjalan seiring dengan kerjasama dari keluarga untuk mendidik, menanam dan menerap ke dalam jiwa anak-anak mereka dengan akidah yang benar dan iman yang kental untuk menangkis segala bentuk serangan dari musuh-musuh Islam yang ingin merosakkan Islam melalui akidah mereka.

## SYNOPSIS

The content in this research is divided into four chapters. Chapter one discusses the concept of tauhid and its definition from the linguistic and general viewpoints. The outcome of this discussion is further sub-divided into four section ; tauhid *al-ulūhiyyah*, *al-rubūbiyyah*, tauhid *al-asmā'* and *al-sifāt*. Each section further its functions and roles. As the concept of tauhid is related to the attributes off the Supreme Being, which is Allah. And these attributes cannot be differentiated from the essence of faith, this research also includes the principles of well-known religious groups, Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah and Muktazilah. These ulama had been involved in numerous discussions related of the concept of tauhid, in addition, this research will include their translation of the holy Quran which are still available anda well-kept in the libraries.

The term "tauhid" is often mentioned in the holy Quran as it is associated with the belief in the Oneness of Allah and its essence and attributes.

Islam is the true and eternal faith as it is the seal of all al-Din al-Samāwī. It also confirms and safeguards the essential teaching of the other authentic scriptures that exist before it.

The second chapter discusses the definition of *mutashābihāt* from the linguistic and general viewpoints but they narrowed to the scope within the Quran.

There are many different opinions on the literal meaning of the term “*mutashābihāt*”. However, the meaning of the *mutashābihāt* verses in the Quran cannot be interpreted literally as they can be dismissed as relatively unimportant in relation to the higher mystical quest and only Allah knows their hidden meanings.

The crux of this research focusses on *mutashābihāt* in one’s faith. The holy Quran is a living revelation, occurring afresh each time it is being recited or read, for these Arabic words are the actual resonance of Allah Almighty and thus they transmit healing, protecting and illuminating power to its listeners.

The mention of the word “faith” will bring us closer of thinking of Allah as our Creator. Therefore the Quran is sent to mankind to uphold the truth and justice in one’s faith and reaffirm the belief in the Oneness of Allah.

This research is interested in the *mutashābihāt* verses as they are verses which describe the beauty of Allah’s attributes such as the Perfect Knower of all visible structures and invisible principals. The radiant beauty of Being streams

solely from Allah Most High, who is beyond every possible human conception or description.

After the era of Prophet Muhammad's (s.a.w) companions and well-known theologians, Muslim tried to explore the meaning of the verses associated with Allah's attributes with the intention of giving suitable interpretations even though they realised they are lacking in many aspects of religious knowledge. Their interpretation are not supported by reliable sources related to religious studies. This research will present these interpretation are not supported by reliable sources related to religious studies. This research will present these interpretations in general.

In chapter three, the writer gave the definitions of Salaf and Khalaf from the linguistic and general viewpoints. Ulama Salaf belong to the Prophet's circle of friends during his time. The name "Salaf" includes theologians who had inherited religious knowledge. Ulama Khalaf was a title given to those generations after Salaf.

The history of Salaf started during the period when they were competing and debating with the other kalam (theologians) knowledge in the area of Usuluddin. After which, many claimed to come from the Salaf group.

The research discusses the translations of *mutashābihāt* verses in the perspective of Ulama Salaf and Khalaf. Ulama Salaf are more interested to leave these translation to the One and Only Allah. They do not want to take the approach which involves psychological discussion. They favour *naqli* to *aqli* way of translation since they hold firmly to the teaching of prophets sent by Allah to this world Hence, they are highly respected for their stand.

Other than explaining the qualities of Salaf and Khalaf, this research also discusses the verses of Allah attributes which are related to the main topic. The writer explained the meaning of attributes from linguistic and general viewpoints. The discussions on these attributes have their interpretation in the kalam (theologian) knowledge.

Chapter four is an important chapter in the writer's research. The writer gave her review on the *mutashābihāt* verses. This review was made after a thorough analysis of relevant reference materials which the writer had extracted to support her view.

The discussion in this chapter is divided into three parts ; the historical emergence of *fīraq* in Islam, for examples Ahl al-Sunnah Wa la-Jamā'ah, Syi'ah, Khawarij, Muktazilah, Qadariyah, Jabariyah and Mushabbihah. These *fīraq*

*Islamīyyah* consist of several channels which play important roles in *mutashābihāt* verses. They exploited these verses for their own gain.

This research also explains of few groups from these channels for general information. There is also a discussion on the principles of Khawarij and Muktazilah, who are well-known in the world of kalam (theologian) knowledge.

The emergence of theologian knowledge came about due to the influences of philosophical and psychological knowledge, especially during the reign of ‘Abbāsīyyah. Every single knowledge from the west being adopted and translated in Arabic, giving the opportunity for the Muslims to learn the knowledge. As a result. It caused the wrong interpretations of the *mutashābihāt* verses.

It is evident that *mutashābihāt* verses are responsible for the emergence of the channels in theologian knowledge. Those who are firm believers and faithful to the teachings of prophets will not exploit these verses. Salafuṣṣālih are those who do fall into this category.

The final chapter in this research includes a summary of the main four chapters and suggestions by the writer. It is clearly shown how the Islamic ulama study and interpret the verses in the holy Quran especially those related to Allah's

attributes, using their own ideologies and not following the way of Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah who still hold on to the teaching of the Quran in high esteem. Even though the psychological aspect is taken into account, the naqal aspect should take priority. Therefore it is the responsibilities of the ulama, religious leaders and teachers to instill a firm and true belief among the younger generations so that their faith will not be easily swayed by the negative influences. This should also include the families' involvement. They must play their part to ensure that their children are educated with the proper Islamic values to strengthen their faith against the enemies of the Muslims.

## DAFTAR ISI

KANDUNGAN	HALAMAN
HALAMAN TAJUK	
HALAMAN PENGAKUAN	
PENGHARGAAN	i
JADUAL TRANSLITERASI	iii
KEPENDEKAN	iv
SINOPSIS ( Bahasa Melayu )	v
SYNOPSIS ( Bahasa Inggeris )	xii
PENDAHULUAN	xxvi
<b>BAB I: KONSEP TAUHID DALAM AKIDAH ISLAM</b>	
PENDAHULUAN	1
1.1 KEPENTINGAN AKIDAH DALAM ISLAM	8
1.1.1 Definisi Akidah	13
1.1.2 Ciri-ciri Akidah	14
1.1.3 Keistimewaan Akidah Islam	24
1.2 PENGERTIAN TAUHID	26
1.3 TAUHID DAN BAHAGIAN-BAHAGIANYA:	33
1.3.1 Tauhid <i>al-Ulūhiyyah</i>	35
1.3.2 Tauhid <i>al-Rubūbiyyah</i>	39

1.3.3	Tauhid <i>al-Asmā'</i> dan <i>al-Šifāt</i>	47
1.3.3.1	Pengertian <i>al Asmā' al-Husna</i>	47
1.3.3.2	Pengertian <i>al Šifāt</i>	48
1.3.3.3	Bahagian-bahagian <i>al Šifāt</i>	57
I	Sifat <i>Fīliyyah</i>	57
II.	Sifat <i>khabariyyah (dhat)</i>	57
1.4	TAUHID MENGIKUT PERSPEKTIF ULAMA KALAM	58
1.4.1	Tauhid menurut Ahl al-Sunnah Wa al-Jama'ah	58
1.4.1.1	Makna tauhid	59
1.4.1.2	Pengertian <i>wahdāniyyah</i>	61
1.4.1.3	Dalil-dalil <i>wahdāniyyah</i>	64
1.4.2	Tauhid menurut Muktazilah	68
1.4.2.1	Ideologi Muktazilah yang terkenal	73
1.5	KESIMPULAN	75
<b>BAB 2:</b>	<b>TAFSIRAN <i>MUTASHĀBĪHĀT</i></b>	
	<b>MENURUT SALAF DAN KHALAF</b>	
PENDAHULUAN		79
2.1	PENGERTIAN SALAF DAN KHALAF	81
2.1.1	Dari sudut bahasa .	82
2.1.2	Dari sudut istilah.	82
2.2	TAFSIRAN <i>MUTASHĀBĪHĀT</i>	
	MENURUT ULAMA SALAF DAN KHALAF	
		84

2.3	AYAT-AYAT <i>SIFAT</i>	88
2.3.1	Pengertian <i>sifat</i> dari sudut bahasa	89
2.3.2	Pengertian <i>sifat</i> dari sudut istilah	89
2.3.3	<i>Sifat</i> dan bahagian-bahagian	93
2.3.3.1	<i>Sifat Fi<sup>c</sup>līyyah</i>	95
1	Ayat-ayat <i>sifat fi<sup>c</sup>līyyah</i>	95
Pertama:	<i>al-Istiwa<sup>'</sup> c alā<sup>c</sup>arash</i>	95
	Ulasan Salaf dan Khalaf dalam sifat <i>al-Istiwa<sup>'</sup></i>	98
Kedua:	<i>al-Nuzūl</i>	100
	Ulasan Salaf dan Khalaf dalam sifat <i>al-Nuzūl</i>	101
Ketiga:	<i>al-Majī'</i>	102
	Ulasan Salaf dan Khalaf dalam sifat <i>al-Majī'</i>	103
Keempat	<i>al-Dīhk</i>	104
	Ulasan Salaf dan Khalaf dalam sifat <i>al-Dīhk</i>	105
Kelima	<i>al-Farah</i>	106
	Ulasan Salaf dan Khalaf dalam sifat <i>al-Farah</i>	106
Keenam	<i>al-Ghadab</i>	107

	Ulasan Salaf dan Khalaf dalam sifat <b><i>al-Ghadab</i></b>	107
2.3.3.2	<b><i>Sifat Khabarīyyah (Dhat)</i></b>	108
II	Ayat-ayat <b><i>Khabarīyyah (Dhat)</i></b>	109
Pertama:	<b><i>al-Wajh</i></b>	109
	Ulasan Salaf dan Khalaf dalam sifat <b><i>al-Wajh</i></b>	110
Kedua	<b><i>al-Yad</i></b>	112
	Ulasan Salaf dan Khalaf dalam sifat <b><i>al-Yad</i></b>	114
Ketiga	<b><i>al-<sup>C</sup>Ain</i></b>	118
	Ulasan Salaf dan Khalaf dalam sifat <b><i>al-<sup>C</sup>Ain</i></b>	121
Keempat	<b><i>al-Qadam</i></b>	122
	Ulasan Salaf dan Khalaf dalam sifat <b><i>al-Qadam</i></b>	123
Kelima	<b><i>al-Nafs</i></b>	127
	Ulasan Salaf dan Khalaf dalam sifat <b><i>al-Nafs</i></b>	127
Keenam	<b><i>al-Asābi<sup>C</sup></i></b>	127
	Ulasan Salaf dan Khalaf dalam sifat <b><i>al-Asābi<sup>C</sup></i></b>	127
2.4 KESIMPULAN		129

## BAB 3: AYAT *MUTASHĀBIHĀT* DALAM AL-QURAN

PENDAHULUAN	132
3.1 PENGERTIAN <i>MUTASHĀBIHĀT</i>	137
3.1.1 <i>Mutashābihāt</i> dari sudut bahasa	138
3.1.2 <i>Mutashābihāt</i> dari sudut istilah	142
3.2 <i>MUTASHĀBIHĀT</i> DALAM AKIDAH	144
3.3 AYAT-AYAT <i>MUTASHĀBIHĀT</i>	152
3.3.1 Ayat-ayat sifat <i>fī'līyyah</i>	153
3.3.1.1 Sifat <i>Istiwā' 'alā al-ṣarash</i>	153
3.3.1.1.1 Terjemahan ayat <i>Istiwā'</i>	156
3.3.1.2 Sifat <i>al-Ma'iyyah</i>	158
3.3.1.2.1 Terjemahan ayat <i>al-Ma'iyyah</i>	158
3.3.1.3 Sifat <i>al-Nuzūl</i>	159
3.3.1.3.1 Terjemahan ayat <i>al-Nuzūl</i>	159
3.3.1.4 Sifat <i>al-Majī'</i>	161
3.3.1.4.1 Terjemahan ayat <i>al-Majī'</i>	162
3.3.1.5 Sifat <i>al-Kalām</i>	163
3.3.1.5.1 Terjemahan ayat <i>al-Kalām</i>	164
3.3.1.6 Sifat <i>al-Mahabbah</i>	165
3.3.1.6.1 Terjemahan ayat <i>al-Mahabbah</i>	166

3.3.1.7	Sifat <i>al-Rahmah</i>	167
3.3.1.7.1	Terjemahan ayat <i>al-Rahmah</i>	167
3.3.1.8	Sifat <i>al-Redā</i>	168
3.3.1.8.1	Terjemahan ayat <i>al-Redā</i>	169
3.3.1.9	Sifat <i>al-Ta<sup>C</sup>ajub</i>	170
3.3.1.9.1	Terjemahan ayat <i>al-Ta<sup>C</sup>ajub</i>	170
3.3.1.10	Sifat <i>al-Ghadab</i>	172
3.3.1.10.1	Terjemahan ayat <i>al-Ghadab</i>	172
3.3.2	Ayat-ayat sifat <i>khabarīyyah (dhat)</i>	173
3.3.2.1	Sifat <i>al-wajh</i>	173
3.3.2.1.1	Terjemahan ayat <i>al-wajh</i>	174
3.3.2.2	Sifat <i>al-Nafs</i>	174
3.3.2.2.1	Terjemahan ayat <i>al-Nafs</i>	175
3.3.2.3	Sifat <i>al-Yad</i>	175
3.3.2.3.1	Terjemahan ayat <i>al-Yad</i>	176
3.3.2.4	Sifat <i>al-Asābi<sup>C</sup></i>	177
3.3.2.4.1	Terjemahan ayat <i>al-Asābi<sup>C</sup></i>	178
3.3.2.5	Sifat <i>al-Sāq</i>	179
3.3.2.5.1	Terjemahan ayat <i>al-Sāq</i>	180
3.3.2.6	Sifat <i>al-<sup>C</sup>Aīn</i>	181
3.3.2.6.1	Terjemahan ayat <i>al-<sup>C</sup>Aīn</i>	181

3.3.2.7	Sifat <i>Ru'yah Allah Ta'ala</i>	182
3.3.2.7.1	Terjemahan ayat <i>Ru'yah</i>	183
3.4	KESIMPULAN	184
<b>BAB 4: AYAT-AYAT <i>MUTASHĀBIHĀT</i> PUNCA KELAHIRAN <i>FIRQAH</i> DALAM ISLAM</b>		
PENDAHULUAN		185
4.1	LATAR BELAKANG KELAHIRAH <i>FIRQAQ</i>	189
a.	<i>C'Asabīyyah C'Arabīyyah</i>	189
b.	Perebutan khilafah	191
c.	Pengaruh agama lama	193
d.	Terjemahan buku-buku falsafah	195
e.	Perbahasan Dalam Masalah-masalah Akidah	197
f.	Kisah-kisah yang menjadi pokok perbahasan	198
g.	Ayat-ayat <i>mutashābihāt</i>	199
h.	Penetapan hukum hakam syarak	201
4.2	<i>FIRQAQ</i> ILMU KALAM DALAM <i>MUTASHĀBIHĀT</i>	202
4.2.1	Latar Belakang <i>Firqaq</i>	202
Pertama: <i>Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah</i>		203
i-	Pengertian <i>Ahl al-Sunnah</i>	203
ii-	Sejarah kemunculan <i>Ahl al-Sunnah</i>	205
iii-	Nama-nama <i>Ahl al-Sunnah</i>	206

1- <i>Ahl al-Jamā'ah</i>	207
2- <i>Ahl al-Hadīth</i>	209
3- <i>Ahl al-Athār</i>	209
4- <i>Al-Tā'ifah al-Manṣūrah</i>	210
5- <i>al-Salaf al-Ṣāliḥ</i>	211
iv- Peranannya dalam tafsiran ayat-ayat <i>mutashābihāt</i>	212
Kedua: <i>Syī'ah</i>	213
i- Sejarah kelahirannya	213
ii- Golongan-golongan Syī'ah	221
a - <i>Al-Sab'a Ḥiyah</i>	222
b- <i>Al-Gharābiyyah</i>	223
Ketiga: <i>Khawarij</i>	225
i- Sejarah kelahirannya	226
ii- Pendirian Khawarij Dalam Tafsiran Ayat-ayat al-Quran	229
iii- <i>Firaq</i> Khawarij	230
a- <i>Al-Azāriqah</i>	232
b- <i>Al-Najdāt</i>	234
Keempat: <i>Muktazilah</i>	236
i- Sejarah kelahirannya	236

	ii- Tabaqat Muktazilah	237
	iii- Prinsip Muktazilah dalam <i>al-Usūl al-Khamṣah</i>	239
Kelima:	<b><i>Murji'ah</i></b>	241
	i- Sejarah kelahiran	242
	ii- Golongan Murji'ah	243
Keenam:	<b><i>Qadariyah</i></b>	245
	i- Sejarah kelahirannya Dan pendiriannya terhadap ayat-ayat <i>Mutashābihāt</i>	245
Ketujuh:	<b><i>Jabariyah</i></b>	247
	i- Sejarah kelahirannya	247
	ii- Sikap Jabariah terhadap ayat-ayat <i>mutashābihāt</i>	248
Kelapan:	<b><i>Musahbbihah</i></b>	249
	i- Sejarah kelahirannya	249
	ii-Golongan-golongan <i>Mutashabbihah</i>	250
	iii- Pendirian mereka terhadap ayat-ayat <i>mutashābihāt</i>	251
4.3	KARYA-KARYA ULAMA SALAF DAN KHALAF DALAM PERBINCANGAN SIFAT ALLAH	252
4.4	KESIMPULAN	256
<b>PENUTUP DAN CADANGAN</b>		257
<b>BIBLIOGRAFI</b>		272

## PENDAHULUAN

Dengan nama Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Tiada upaya dan kuasa melainkan dengan Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar. Maha Suci Engkau, wahai Tuhan Tiada ilmu bagiku melainkan apa yang Engkau ajariku. Sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui Maha Bijaksana.

Segala puji bagi Tuhan seru sekalian alam, yang telah menurunkan al-Quran sebagai hidayah kepada orang-orang mukmin yang meneruskan warisan para Nabi Allah yang diutus, dan jalan para auliyanya yang soleh, juga jalan para ulama yang patuh yang mendalami seluruh ilmu pengetahuan dengan keyakinan. Selawat dan sejahtera atas Junjungan dan Penghulu kita Muhammad, Nabi yang Amin dan kekasih yang teguh, penutup sekalian para Nabi, imam sekalian para muttaqin, pemimpin bagi orang-orang yang terdahulu dan yang terkemudian. Dan atas keturunannya serta para sahabatnya yang bersih hati lagi benar. Dan atas para pengikutnya yang baik-baik hingga ke hari akhirat.

Penulis memilih tajuk disertasi ini iaitu "**Ayat-ayat Mutashābihāt dalam Akidah; Suatu Kajian Perbandingan antara Ulama Salaf dan Khalaf**" kerana umat Islam masa kini masih kekurangan pengetahuan mereka dalam masalah ayat-

ayat *Mutashābihāt*. Penulis ingin mengupas dan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan ayat-ayat *Mutashābihāt*. Perbincangan ini dimulakan dengan konsep Tauhid, pengertiannya dari sudut bahasa dan istilah, termasuk makna tauhid *al-ulūhiyyah*, tauhid *al-rubūbiyah* dan tauhid *al-asmā'* dan *al-ṣifāt*. Seterusnya dibincangkan juga tauhid mengikut perspektif ulama kalam yang banyak membicarakan masalah ketuhanan.

Masyarakat Islam masih tidak memahami apa itu *mutashābihāt*, kenapa Allah Taala menurunkan ayat-ayat *mutashābihāt*, apakah rahsia disebalik keistimewaanya, inilah yang ingin diketengahkan dalam kajian ini. Kepentingan ayat-ayat *mutashābihāt* kepada umat Islam telah wujud sejak zaman Rasulullah s.a.w hingga ke hari ini. Setiap perbahasan ini tidak tamat begitu sahaja bahkan tetap segar dibincangkan dan terus dibincangkan hingga sampai hari kiamat, kerana selagi manusia masih menggunakan akal untuk berfikir selagi itu perbincangan mengenai ayat-ayat *mutashābihāt* tidak akan berakhir.

Oleh kerana perbincangan ini masih jauh daripada penyelesaian, pertelingkahan masih berterusan, orang dahulu mencuba, orang sekarang pun terus mencuba dengan mencipta satu neraca untuk membezakan di antara yang haq dan yang batil. Dengan itu, penulis cuba membincangkan punca pertelingkahan dalam ayat-ayat *mutashābihāt* yang membawa kepada takwil iaitu memberi maksud

bukan dari makna yang sebenar, apabila ini berlaku ia akan mengelirukan fahaman umat Islam, dan berlakulah perpecahan di kalangan umat Islam. Bertitik tolak dari situ, ternyata segala penyelewengan dalam tafsiran ayat-ayat *mutashābihāt* terutama dalam masalah sifat Allah dan dhat Allah dari golongan-golongan tertentu, yang mana mereka ingin mempengaruhi pemikiran umat Islam supaya menyokong tindak tanduk mereka. Apabila yang telah dijelaskan tadi ada kaitannya dengan peranan akal dalam pemikiran golongan-golongan itu dalam mengupas atau mentafsir al-Quran dari sudut zahirnya sahaja.

Akal memang memainkan peranan yang cukup besar dalam tamadun kebendaan bahkan satu kesilapan kalau kita berkata bahawa sesungguhnya tamadun Barat seluruhnya daripada sebatang jarum sehingga ke roket, daripada dapur arang ke tong gas sehingga ke alat-alat elektronik kesemuanya adalah daripada usaha akal. Akallah yang menjadi asas tamadun-tamadun kebendaan itu. Tetapi sekiranya kita tetap meneliti sejarah pemikiran manusia, kita mendapati akal tetap lemah daripada berperanan secara membina.

Apa yang dibicarakan tentang sejarah ini pasti memperlihatkan kelemahan akal dalam hal akidah dan akhlak. Sekiranya ada yang berpendapat akal boleh membawa kepada keyakinan mengenai hal itu, tentu dia telah ditipu. Yang

peliknya, meskipun kelemahan ini sudah dilihat secara terang-terangan namun manusia terus juga mengikut jalan yang tertutup ini. Firman Allah Taala:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يُجَادِلُ فِي اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَسْعُ كُلَّ شَيْطَانٍ مَرِيدٍ .  
كُتِبَ عَلَيْهِ أَنَّهُ مَنْ أَوْلَاهُ فَاللَّهُ يُضِلُّهُ وَيَهْدِيهِ إِلَى عَذَابِ السَّعِيرِ ۚ<sup>1</sup>

Terjemahan: "Dan ada di antara manusia yang membantah perkara-perkara yang berhubung dengan Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan dan ia menurut tiap-tiap syaitan yang telah sebatи dengan kejahatan. Yang telah ditetapkan kepada (tiap-tiap) syaitan itu, bahawa sesiapa yang berketuakan dia maka sesungguhnya ia akan menyesatkannya dan memimpinnya kepada azab neraka"

Tetapi bagaimana kita boleh sampai kepada kebenaran dalam bidang-bidang ini?

Sesungguhnya Allah S.W.T Yang Maha Bijaksana telah menuliskan hamba-hambaNya dan memberi petunjuk kepada mereka ke arah kebenaran dalam bidang-bidang ini melalui para rasul sepanjang zaman yang silih berganti, yang membimbing manusia kepada Allah, menghiburkan dengan kebenaran sambil menyeru kepada jalan Allah, sehingga berakhir dengan pengutusan Nabi Muhammad s.a.w sebagai penghulu semua Nabi dan Rasul iaitu Allah menjamin

---

<sup>1</sup> Surah al-Hajj: 2-4

pemeliharaan risalahnya yang semuanya terangkum dalam al-Quran al-Karim.

Firman Allah S.W.T:

بِأَنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْكِتَابَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ<sup>2</sup>

Terjemahan: "Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan  
al-Quran Kamilah yang memeliharanya dan menjaganya"

Walaupun Islam tidak melarang dalam soal perbezaan pendapat (khilāfīyyah), namun ia perlu dilihat dari sudut perkara-perkara dan pokok-pokok perbincangan yang tidak terkeluar dari landasan yang digariskan oleh ulama Salaf.

Mereka berpegang dengan prinsip-prinsip yang diamalkan oleh para sahabat. Oleh kerana ayat-ayat *mutashābihāt* begitu kompleks maka *salafuṣṣālih* beriman dengannya dan mengitbatkan maknanya dengan sifat-sifat Allah S.W.T agar tidak timbul keraguan dan penyelewengan dalam ayat-ayat tersebut. Peranan ulama Salaf amat besar dalam ayat-ayat *mutashābihāt*, ini untuk menjamin dari

---

<sup>2</sup>Surah al-Hijr: 9

berlaku perperangan umat Islam, manakala ulama Khalaf menggunakan jalan mudah dengan mengutamakan akal dari naqal. Di antara ulama Salaf yang terkenal seperti Ahmad Ibn Hanbal dan Ibn Taimiyah adalah ulama besar Salaf yang tetap dengan prinsip mereka yang tak lekang dek hujan dan tak lapok dek panas. Sememangnya mereka terus mengamalkan manhaj para sahabat dan tābi'īn, iaitu mengutamakan *al-Naql* dari *al-Aql*. Manhaj ini dapat memelihara ayat-ayat *mutshābihāt* dari penyelewengan aliran-aliran *fīraq Islāmīyyah*.

Perbincangan mengenai dhat Allah dan sifat-sifatNya tidak boleh dibuat sambil lewa atau jalan mudah dan melihat dari sudut zahir ayat sahaja kerana kaedah itu akan terkeluar dari maksud yang sebenar. Fenomena ini mendorong penulis untuk memilih tajuk ini.

Perpaduan umat Islam amat penting sekali untuk menguatkan barisan Islam supaya disegani dan digeruni oleh agama lain. Persaudaraan sesama manusia akan terjalin dengan kasih sayang, hormat menghormati dan kunjung mengunjung antara satu dengan lain. Apabila umat Islam bersatu dalam semua aspek lebih-lebih lagi permasalahan yang berkaitan dengan akidah, kesepakatan dalam pemikiran dapat mengutuhkan lagi agama Islam dan tidak akan lahir *fīraq* atau mazhab dikalangan

umat Islam, selagi kita bersungguh-sungguh memelihara agama Islam dengan baik dan berpegang dengan tali Allah selagi itu mereka tidak berpecahbelah antara satu dengan lain. Sebagaimana firman Allah Taala

وَاعْصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تُفْرِقُوا وَادْكُنُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ  
أَعْدَاءٌ فَلَفَّ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَاصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا ۝

Terjemahan: "Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada Tali Allah ( agama Islam ), dan janganlah kamu bercerai berai, dan kenangkanlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan ( semasa Jahiliyah dahulu ), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu ( sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam ) , maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara"

Semoga disertasi ini dapat menjelaskan kekaburuan dan menunjukkan jalan yang benar. Segala pandangan yang disematkan dalam disertasi ini merupakan manhaj yang menjadi pegangan penulis dalam kehidupan pemikirannya ini merupakan manhaj yang selaras dengan arahan al-Quran al-Karim dan Sunnah Nabi yang mulia.

---

<sup>3</sup>Surah ali 'Imran 103

Dengan disertasi ini, penulis menghampirkan diri kepada Allah sambil mengharapkan hidayah daripadaNya dan mendapat petunjukNya.Salam dan salawat ke atas ***uswah hasanah*** dan pemimpin ***rabbani***, penghulu anak Adam yang memiliki syafaat di hari yang tidak ada guna harta benda dan anak-anak kecuali orang yang datang menemui Allah dengan wajah yang berseri-seri dan hati yang bersih dan baik.

Akhir sekali, penulis memohon ke hadrat Ilahi, semoga disertasi ini dapat memberikan manfaat bagi diri penulis dan kaum muslimin. Moga-moga Allah menerimaanya sebagai suatu bakti kecil kepada ilmu pengetahuan, diberkati usahanya serta mendapat balasan dunia dan akhirat. Amin.

SITI SA'ADIAH BINTI SHAFIK  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur  
1999.